

Petronas taja UMSKAL Cooking Battle 2017

UB 25-11-17 BII

LABUAN: Syarikat Petroleum Nasional (Petronas) telah menaja Pertandingan UMSKAL Cooking Battle 2017 sempena Pesta Tamu Gadang UMSKAL.

Pada tahun ini, sebanyak lapan kumpulan menyertai pertandingan itu yang diadakan untuk memberi ruang dan peluang kepada peserta memasak masakan barat.

Pertandingan yang bertemakan Makanan Barat itu diadili Chef Bong Kok Min dari Hotel Lazenda selaku ketua juri, Mavnun Haslinda Omar Maya (wakil Petronas Dagangan Berhad) dan Dr

Romzi Ationg (penyelaras PPIB).

Kumpulan ZIEMEL yang diwakili Roziani Japar dan Melati Dahlan muncul johan sekaligus membawa pulang hadiah RM700 dan cenderahati.

Mereka yang bekerja sebagai pembantu tadbir Unit Sumber Manusia dan Latihan di Hospital Labuan memasak menu Meatball ala ziemel dan Italian Bread with Chicken Mayo serta Chicken Blackpepper.

Tempat kedua dimenangi Kumpulan Nour Rizquna's Kitchen yang diwakili Lizawana Halidin (pembantu tadbir Unit Sumber Manusia




PASANGAN Roziani Japar dan Melati Dahlan Juara UMSKAL Cooking Battle 2017.



CHEF Bong (tengah), Mavnun Haslinda dan Romzi mengadili pertandingan UMSKAL Cooking Battle 2017.



TEMPAT kedua dimenangi Lizawana Halidin dan Hagijah @Kamariah Omar. (Kanan) Pelajar Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Afiqah Fatin dan 'Afifah menduduki tempat ketiga.



& Latihan) dan Hagijah @Kamariah Omar (suri rumah).

Kedua-duanya menampilkan masakan Lamb Chop with special blackpepper sauce dan Chicken boxing with special thousand island sauce untuk meraih RM500 dan cenderahati.

Pelajar Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Tahun 2, HE23, Afiqah Fatin Syaza Yahya (Selangor) dan 'Afifah Abd Fatah (Kelantan) menduduki tempat ketiga menerusi menu

Spicy lamb pasta dan Shrimp with garlic bread.

Kejayaan pelajar yang menamakan diri mereka sebagai Kumpulan La' Spezia itu menerima RM300 bersama cenderahati.

Isteri Pengarah UMSKAL Hayati Salleh Baihaki serta ibu dan anaknya turut menyertai pertandingan itu.

Kumpulan Homecooking masterchef diwakili Hayati Salleh Baihaki bersama Aiman Danial Khan Helmi Zam Halik.

Manakala Kumpulan Hanani diwakili Yohani

Mohd Salleh (ibu Hayati) dan Hana Aleya Murnizam (anak pengarah berumur 10 tahun)

Chef Bong Kok Min menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Penyelaras program, Nur Shafiekah Sapan mengucapkan terima kasih kepada Petronas kerana sudi menaja pertandingan itu.

Beliau juga berharap lebih ramai peserta dari luar Labuan akan menyertai pertandingan itu pada masa akan datang sekaligus memeriahkan Pesta Tamu Gadang UMSKAL.